

# LAPORAN PERSIDANGAN GLOBAL 2000

Oleh  
Jariah Jais\*

## ABSTRACT

*This is a report by Puan Jariah Jais, Librarian at the Malaysia Agriculture Research and Development Institute who attended the Global 2000 Worldwide Conference on Special Librarianship held on 16 - 19 October 2000 at Brighton United Kingdom. The theme of the conference is The Information Age : Challenges and Opportunities. A total number of 600 participants from 53 countries attended the conference. Puan Jariah was sponsored by the Special Libraries Association, United States of America. A separate program was held for Special Libraries Association fellowship participants and also involving librarians from, developing countries.*

## PENDAHULUAN

Saya telah berpeluang menghadiri Global 2000 : Persidangan Sedunia Perpustakaan Khusus di Brighton yang berlangsung dari 16- 19 Oktober 2000. Tema Persidangan ialah Abad Maklumat: Cabaran dan Peluang. Persidangan berlangsung di Hilton Brighton Metropole Hotel. Ini adalah kali kedua SLA mengadakan Persidangan sedunia; yang pertama adalah pada tahun 1979.

Persidangan ini dihadiri oleh lebih 600 peserta dari 53 buah negara yang terdiri daripada pustakawan khusus, profesional maklumat, dan wakil-wakil syarikat industri maklumat seluruh dunia. Saya telah ditaja oleh Special Libraries Association, Amerika Syarikat bersama 22 orang lagi peserta daripada negara Afrika Selatan, Albania, Brazil, Bangladesh, Cameroon, China Costa Rica, Croatia, Filipina, India, Indonesia, Jamaica, Nepal, Nigeria, Pakistan, Russia, Swaziland, Ukraine dan Vietnam. Kami telah dipilih daripada lebih 400 pemohon dari negara membangun dan mengikut pihak penganjur, melalui proses pemilihan yang sungguh rapi dan teliti.

## ATURCARA PERSIDANGAN

Perjalanan Persidangan dibuat berdasar sistem "trak" di mana setiap hari bermula dengan ucapan utama (*keynote address*) oleh tokoh terkenal dari bidang industri, media atau pengurusan. Sesi perbincangan yang menyusul kemudian dikendalikan oleh moderator yang berpengalaman. Di sebelah petang pula sesi tertumpu kepada topik-topik pengurusan maklumat global yang relevan dengan topik yang telah dibincang di sebelah pagi.

Sebagai peserta yang ditaja oleh SLA (kami dikenali sebagai SLA Fellows) saya dan 22 orang Fellows lain mengikut program yang ditetapkan oleh SLA, berdasarkan latar belakang, pengalaman,

dan profesionalisme masing-masing. Ini bermakna ada sesi perbincangan di mana saya tidak bersama Fellows lain, ada sesi juga di mana saya bersama sebahagian daripada mereka. Walau bagaimanapun kami semua menghadiri bersama sesi-sesi induk.

## PROGRAM FELLOWSHIP SLA

Apa yang lebih menarik pada saya ialah program khas Persidangan ini yang melibatkan negara-negara membangun. Saya tidak menjangka sama sekali pihak SLA akan mengadakan program khas untuk Fellows. Buat pertama kali SLA telah mengadakan program Fellowship bagi calon-calon dari negara membangun menghadiri Persidangan ini. Program ini amat baik sekali kerana memberi peluang kepada peserta berinteraksi, bertukar-tukar pendapat sesama mereka yang datang daripada pelbagai bidang dan latar belakang.

Semua Fellows disyaratkan menyumbang suatu artikel yang kemudian diterbitkan sebagai suatu terbitan khas "Contributed Papers" di Persidangan ini. Tajuk artikel saya ialah: *The Development of Special Libraries in Malaysia : Initiatives Towards the Realization of K-economy*". Kami, Fellows SLA, dibahagikan kepada lima kumpulan mengikut kawasan geografi seperti berikut: Asia Selatan, Asia Timur, Amerika Latin dan Caribbean, Afrika, Eropah Timur dan Russia. Malaysia termasuk dalam Kumpulan Asia Timur.

Kami telah mengadakan dua sesi perbincangan dengan wakil-wakil kanan SLA yang bertanggungjawab ke atas program Fellowship ini di mana dibincangkan bagaimana pihak SLA boleh membantu negara-negara membangun dalam bidang kepustakawanan dan maklumat. Setiap kumpulan diminta membincang sesama sendiri dan menyediakan serta memajukan satu laporan kepada pihak SLA untuk pertimbangannya. Saya

\* Pustakawan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Saya telah menawarkan diri untuk menyediakan laporan tersebut sebagai ketua Fellow kumpulan Asia Timur.

Pembentukan lima kumpulan ini, pada saya membayangkan hasrat Special Libraries Association untuk mengembangkan sayapnya ke dunia luas di luar Amerika Utara. Suatu langkah bagi memulakan proses globalisasi persatuan. Perlu saya nyatakan di sini bahawa SLA Chapter Washington DC yang telah, diberi mandat dan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan program Fellowship ini. Kumpulan Asia Timur yang saya ketuai telah mengemukakan untuk pertimbangan SLA satu cadangan permohonan untuk bantuan dalam bentuk latihan di peringkat kawasan Asia Timur atau peringkat negara yang berkenaan. Projek yang dijangka berjalan selama satu hingga lima tahun ini jika diluluskan pembiayaan dan pelaksanaannya akan membawa manfaat kepada Malaysia dan negara-negara yang terlibat.

## PENUTUP

Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada Special Libraries Association, Amerika Syarikat kerana memberi saya peluang menghadiri Persidangan Global 2000 ini. Pengalaman yang diperolehi amat berharga bagi saya. Terima kasih saya juga kepada pihak MARDI dan Kementerian Pertanian Malaysia kerana memberi saya sokongan dan perlepasan untuk menghadiri Persidangan ini.

Saya tidak fikir SLA akan mengadakan satu lagi Persidangan Global dalam jangka masa terdekat kerana kosnya amat tinggi; lagi pun SLA perlu menumpukan perhatiannya kepada rancangan globalisasinya yang baru bermula. Penglibatan SLA dengan lima kumpulan negara-negara membangun juga dijangka akan memenuhi jadualnya untuk beberapa tahun akan datang.

## LAPORAN PENILAIAN PENYERTAAN PERSIDANGAN

1. Nama Persidangan : Global 2000 : World-wide Conference on Special Librarianship.  
Tema Persidangan : The Information Age : Challenges and Opportunities
2. Tempat: Hilton Brighton Metropole Hotel
3. Tempoh dan Tarikh : 16 - 19 Oktober 2000
4. Penganjur : Special Libraries Association (SLA), Amerika Syarikat
5. Butir-butir Peserta : Puan Jariah Jais  
Jawatan: Pustakawan

## LAPORAN/ PENILAIAN

6. Perkara/masalah yang dibincangkan: Antara perkara yang dibincangkan ialah pelanggaran hakcipta, peranan Internet dalam penyebaran maklumat, kenaikan harga jurnal, budaya kerja dalam era IT dan globalisasi, rangkaian hubungan dan sebagainya.
7. Rumusan/ syor: Tiada rumusan dikeluarkan di akhir Persidangan ini.
8. Tempat yang dilawat : Beberapa tempat pelancongan di Sekitar Brighton dan lawatan ke London ditawarkan kepada peserta Persidangan tetapi saya tidak berkemampuan kerana bayaran yang dikenakan adalah di antara USD 51.00 hingga USD 131.00 (RM 200 - RM 500).
9. Pandangan tentang Persidangan: Topik-topik Persidangan amat menarik sekali dan meliputi isu-isu semasa yang dihadapi semua profesional maklumat. Buat kali pertama SLA mengadakan program Fellowship untuk peserta dari negara-negara membangun. Dengan adanya program sebegini wakil-wakil daripada negara-negara membangun dapat berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat dengan perwakilan lain serta mempelajari daripada mereka akan perkembangan terbaru dalam bidang kepustakawanan, IT dan maklumat.